

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' MANSOR BIN
OTHMAN [NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016

SOALAN :

**YB Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta PERDANA
MENTERI menyatakan secara terperinci projek dan peruntukan yang
disenaraikan dan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke 11 bagi
pembangunan Bumiputera di Pulau Pinang.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan 8 program/projek pembangunan bumiputera di Pulau Pinang dengan peruntukan sebanyak RM32.67 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe11). Program/projek ini diselaraskan oleh agensi-agensi seperti berikut :

- a. Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, (BPPBPP JPM);
- b. Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA);
- c. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM);
- d. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
- e. Majlis Amanah Rakyat (MARA); dan
- f. Bahagian Pelajaran Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPI KPM).

Sekian, terima kasih.